KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN JKM TENTANG PERMOHONAN PENDAFTARAN OKU

PUTRAJAYA, 16 Oktober 2026 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus komited memastikan pendekatan yang prihatin, inklusif dan berhemah dilaksanakan dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat khususnya golongan yang memerlukan.

Setiap individu yang memerlukan perhatian dan sokongan kebajikan akan diberikan pertimbangan sewajarnya berdasarkan keperluan dan dasar yang berkuat kuasa.

Berhubung permohonan pendaftaran sebagai OKU, proses pendaftaran adalah berdasarkan Garis Panduan Pendaftaran OKU (Pindaan 2019) yang dibangunkan secara bersama oleh JKM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dengan penglibatan pakar-pakar perubatan yang merupakan ahli Jawatankuasa Pendaftaran OKU di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU.

Garis panduan ini menjadi rujukan dalam memastikan proses penilaian dan pendaftaran OKU dilaksanakan secara profesional, sistematik dan berasaskan kriteria yang telah ditetapkan. Penilaian pula adalah berdasarkan tahap kefungsian dan ketidakupayaan individu oleh Pegawai Perubatan, Pengamal Perubatan atau Pakar Perubatan melalui Borang Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (BPPOKU Pindaan 2/2019).

Penilaian ini mengambil kira tujuh domain yang ditetapkan bagi mengukur tahap kefungsian seseorang individu. Perenggan 10.3 Garis Panduan Pendaftaran OKU (Pindaan 2019) menyatakan bahawa seseorang boleh didaftarkan sebagai OKU sekiranya menghadapi kesukaran sekurang-kurangnya tiga (3) domain pada tahap 1 atau satu (1) domain pada tahap 2. Bagi permohonan yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi

domain berkaitan, permohonan pendaftaran tidak dapat diluluskan oleh Pendaftar OKU.

Walau bagaimanapun, pemohon mempunyai hak untuk mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 24 (2) Akta Orang Kurang Upaya 2008.

KPWKM dan JKM sentiasa komited memastikan kebajikan golongan yang memerlukan terus diberi perhatian melalui penyediaan bantuan dan perkhidmatan kebajikan yang bersesuaian dengan keperluan individu.

##TAMAT##

DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
16 OKTOBER 2026